

Terus tabah demi segulung ijazah

KUALA LUMPUR 31 Okt. - "Ajal itu di tangan tuhan, tetapi niat untuk menggenggam segulung ijazah membuatkan diri saya lebih tabah untuk meneruskan hidup walaupun disahkan menghidap kanser."

Itulah antara luhuan graduan Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Rosmadi Mat Amin, 26, yang terpaksa bertarung nyawa melawan penyakit kanser kelenjar demikian mencapai impiannya itu.

"Pada mula saya mengalami penyakit amnesia (hilang ingatan) selepas setahun diterima masuk UPM sebelum doktor memaklumkan saya menghidap kanser kelenjar tahap dua.

"Akibat penyakit itu, hospital bagaikan rumah kedua, saya menjalani pelbagai rawatan termasuk kimoterapi sehingga pernah terlanjur di katil hospital selama enam bulan sepanjang tempoh dua tahun melawan penyakit kanser itu.

"Saya sampai ke peringkat meminta doktor melakukan apa saja



SITI AMIRA SARIYATHUL

rawatan asalkan saya dapat meneruskan pengajian yang tertangguh, ini kerana bagi saya, apa yang saya mulakan perlu ditamatkan," kata Rosmadi yang kini masih perlu menjalani pemeriksaan setiap enam bulan sekali.

Memiliki perwatakan ceria, anak kelahiran Besut, Terengganu yang memperoleh

Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.42 itu mengakui saat paling menantang adalah ketika pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) beliau ditarik balik pada saat mendekati menanggung kesakitan akibat penyakit kanser itu.

"Namun saya amat berterima kasih kepada ibu bapa dan keluarga, selain pihak UPM serta alumni Maktab Rendah Sains Mara (MRSRM) Besut yang sanggup mengumpul dana bagi membantu saya membayar kos rawatan, jasa mereka tidak akan saya lupa," ujarnya yang selepas itu menerima biasiswa untuk menyambung pengajiannya.

Sementara itu, graduan Sarjana Alam Sekitar UPM, Siti Amira Sariyatul Rusly yang turut menghidap penyakit kronik iaitu gangguan sistem imun memberitahu, penyakit itu juga membuatkan dirinya bersemangat untuk terus menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Biasanya sistem imun badan akan melindungi diri manusia daripada penyakit, tetapi penyakit saya ini membuatkan sistem imun menyerang organ badan saya, doktor telah mengesahkan bahawa penyakit itu telah menjelaskan otak dan buah pinggang.

"Kesan penyakit itu membuatkan saya tidak bermaya sehingga tidak larat memegang beg apatah lagi untuk berjalan, sebab itu selepas saya menamatkan pengajian Sarjana Muda di Universiti Malaya (UM) saya cuba bekerja, namun keadaan fizikal tidak mengizinkan.

"Maka selepas terlantar hampir sembilan bulan, saya ambil keputusan untuk menyambung ke peringkat sarjana, saya terpaksa gigihkan diri pada hujung minggu menghadiri kuliah dan selepas ini saya akan melanjutkan ke peringkat doktor falsafah (PhD)," katanya yang meraih CGPA cemerlang pada kadar 3.83.